



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2018

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Gambar 1 mempunyai hubungan dengan kepercayaan masyarakat tamadun awal.



Gambar 1

Apakah kepercayaan tersebut?

- A Ateisme
- B Animisme
- C Politeisme
- D Monoteisme

- 2 Mengapa masyarakat China masih menghargai karya *The Art of War*?

- A Mengandungi falsafah hidup
- B Mempelajari teknik perperangan
- C Mencatat sejarah keturunan raja
- D Mengamalkan dalam urusan perniagaan

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan tamadun Yunani.

SUKAN OLIMPIK


Apakah tujuan sukan tersebut diperkenalkan?

- A Mengeratkan hubungan antara negara kota
- B Melahirkan warganegara yang sihat
- C Memupuk perpaduan antara rakyat
- D Menghormati Tuhan Zeus

4 Apakah nilai yang ditekankan dalam ajaran Confucianisme?

- A Keperimanusiaan
- B Kesepakatan
- C Keberanian
- D Keadilan

5 Peta 1 menunjukkan Tasik Tonle Sap dalam kerajaan Angkor.



Peta 1

Bagaimanakah tasik tersebut berperanan dalam memastikan kelangsungan hidup penduduk setempat?

- I Mengairi kawasan penanaman padi
- II Memperolehi mendapan lumpur
- III Mengadakan upacara keagamaan
- IV Membekalkan sumber tenaga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]

6 Rajah 1 menunjukkan peranan kerajaan awal di Asia Tenggara.



Rajah 1

Apakah perkaitan antara kedua-dua kerajaan tersebut?

- A Menjadi tempat pengumpulan barang
- B Mewujudkan persaingan antara kerajaan
- C Mengutamakan pengkhususan pekerjaan
- D Melengkapkan keperluan antara satu sama lain

7 Maklumat berikut berkaitan dengan kehidupan masyarakat Arab Jahiliah.

- Kedudukan wanita rendah
- Mengamalkan riba
- **X**

Apakah X?

- A Menghormati keputusan kabilah yang lain
- B Mengamalkan persamaan taraf dalam kabilah
- C Mengamalkan semangat kesukuan yang tinggi
- D Mempunyai sistem pentadbiran pusat yang mantap

8 Tokoh berikut berperanan dalam proses penyebaran Islam di Makkah.

- Siti Khadijah Binti Khuwailid
- Ali Bin Abu Talib
- Zaid Bin Harithah

Jelaskan peranan tokoh tersebut dalam perkembangan ajaran Islam?

- A Menyertai hijrah ke Habsyah
- B Mengumpulkan ayat-ayat al-Quran
- C Menerima Islam di peringkat awal
- D Menjadikan rumah sebagai pusat dakwah

- 9 Berikut adalah dialog yang menceritakan tentang masalah yang dihadapi oleh suku Arab Madinah kepada Rasulullah

Rasulullah : Bagaimakah keadaan kamu di Madinah?

Suku Arab : Kami adalah mawali Yahudi, yakni orang yang diperintah Yahudi

Sumber : *Sejarah Islam*, Muhyidin Haji Yahya, 1993, halaman 71

Bagaimakah Rasulullah menyelesaikan masalah tersebut?

- A Utusan
 - B Peperangan
 - C Diplomatik
 - D Rundingan
- 10 Jadual 1 berkaitan dengan perlombagaan di Madinah dan Persekutuan Tanah Melayu.

Tahun	Perlombagaan
622 Masihi	Perlombagaan Madinah
1957 Masihi	Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu

Jadual 1

Apakah persamaan kedua-dua perlombagaan tersebut?

- A Pemerintah berkuasa mutlak
- B Kerakyatan terbuka
- C Kebebasan beragama
- D Pembahagian kelas masyarakat

- 11 Penubuhan baitulmal oleh kerajaan Bani Umayyah telah mewujudkan sistem kewangan untuk mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan negara.

Apakah sumber pendapatan kerajaan tersebut?

- A Kharaj
- B Khazraj
- C Mawali
- D Mudejar

[Lihat halaman sebelah]

12 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ketenteraan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Kumpulan tentera Janissari merupakan kumpulan infantri elit

Mengapakah dianggap sedemikian?

- A Terlatih dalam perperangan
- B Kumpulan pengawal peribadi
- C Pentadbir yang berwibawa
- D Mengetuai armada laut

13 Maklumat berikut merupakan karya sastera yang wujud di awal perkembangan Islam di Asia Tenggara.

Karya Sastera

- Hikayat Amir Hamzah
- Bustanus Salatin

Karya tersebut membuktikan Islam tersebar di Asia Tenggara melalui

- A Pengislaman raja dan bangsawan
- B Peranan pusat kebudayaan
- C Perkahwinan siasah
- D Perluasan empayar

14 Maklumat berikut berkaitan dengan institusi pendidikan di Asia Tenggara selepas kedatangan Islam.

- Merupakan pusat pengajian Islam
- Mata pelajaran yang diajar ialah Fikah, Usuludin, Tasauf dan Hadis
- Bahasa pengantar ialah Bahasa Melayu dan Arab
- Keperluan asas disediakan oleh pelajar sendiri

Apakah nama institusi pendidikan tersebut?

- A Istana
- B Madrasah
- C Pondok
- D Surau

- 15 Anda merupakan seorang peniaga pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang ingin membeli rempah ratus daripada penduduk setempat.

Apakah sistem timbangan yang akan digunakan?

- A Kati
- B Tahil
- C Pikul
- D Bahara


- 16 Pantun berikut menggambarkan amalan sistem perckaian di Melaka pada abad ke-15.

<i>Pedagang arab datang ke Melaka</i>
<i>Singgah sebentar di Tanjung Ara</i>
<i>Datangmu tuan amatlah suka</i>
<i>Cukai bertambah rakyat terpelihara</i>

Apakah cukai yang dikenakan ke atas pedagang tersebut?

- A Cukai diraja
- B Cukai dagang
- C Cukai eksport
- D Cukai import

- 17 Gambar 2 menunjukkan alat yang dicipta pada zaman Revolusi Pertanian di Eropah.



Gambar 2 : Alat Jethro Tull

Bagaimanakah alat tersebut memudahkan kegiatan pertanian?

- A Membuat batas
- B Menggemburkan tanah
- C Menyebarluaskan biji benih
- D Mengali dan menugal tanah

[Lihat halaman sebelah]

- 18 Jadual 2 menunjukkan ciptaan baru yang dihasilkan akibat perkembangan dalam bidang perindustrian.

Tokoh	Ciptaan
John Hargreaves	Spinning Jenny
Richard Arkwright	Water Frame

Jadual 2

Bagaimanakah alat tersebut memudahkan kegiatan perindustrian?

I Mengeluarkan produk secara besar-besaran

II Mengurangkan bekalan bahan makanan

III Meningkatkan penggunaan tenaga buruh

IV Memperluaskan aktiviti perdagangan antarabangsa

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

- 19 Mengapakah pemodal tempatan mengambil inisiatif untuk menubuhkan bank pada awal abad ke-20?

A Mengukuhkan golongan komprador

B Mengurangkan penglibatan imigran

C Mewujudkan jurang ekonomi

D Menghapuskan diskriminasi ekonomi

- 20 Pada abad ke-20, berlaku pertambahan kemasukan imigran dari China dan India ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Apakah kepentingan pertambahan tersebut ?

A Kemajuan sistem pendidikan

B Kepesatan sektor ekonomi

C Perkembangan pertanian sara diri

D Peningkatan pendapatan penduduk tempatan

21 Jadual 3 berkaitan dengan penjajahan yang berlaku di Asia Tenggara.

Negara	Imperialis
Burma	British
Filipina	Sepanyol
Tanah Melayu	British
Indonesia	X

Jadual 3

Apakah X ?

- A Portugis
- B Belanda
- C Perancis
- D Amerika

22 Apakah ciri-ciri sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan penjajah di Asia Tenggara?

- A Menyatukan wilayah-wilayah kecil
- B Pengenalan sistem pendidikan moden
- C Pembesar tempatan mengetuai biro
- D Memantapkan undang-undang tempatan

23 Jadual 4 menunjukkan pengaruh agama di negara-negara Asia Tenggara.

Negara	Pengaruh Agama
Indonesia	Gerakan Islah
Burma	Persatuan Belia Buddha

Jadual 4

Bagaimanakah pengaruh agama mencetuskan nasionalisme di Asia Tenggara?

- A Mewujudkan perpaduan dalam masyarakat
- B Menjalin kerjasama dengan kuasa asing
- C Meningkatkan taraf penduduk peribumi
- D Menekankan konsep persamaan taraf

[Lihat halaman sebelah]

- 24 Maklumat berikut berkaitan penentangan tokoh tempatan terhadap British.

Pengistiharan Buang Negeri

Haji Abdul Rahman Limpong

12 Zulhijah 1346/1928

.....Titah perintah sultan Terengganu telah mengeluarkan Abdul Rahman Abdul Hamid dari dalam negeri Terengganu dan jajahannya oleh syakkhan dengan sebab-sebab pengajaran Hj Abdul Rahman kepada pihak-pihak rakyat.....

Dengan Titah Perintah
Setiausaha Kerajaan Terengganu
Sumber : ahmadsyarifuddin.blogspot.com

Mengapa sultan bertindak demikian?

- A Ajaran sesat
- B Strategi penjajah
- C Rampasan kuasa
- D Peraturan tanah
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan halangan yang dihadapi oleh Kaum Muda di Tanah Melayu.

- Penentangan dari Kaum Tua
- Sultan menghadkan kegiatan dakwah

Bagaimanakah Kaum Muda berusaha mengatasi halangan tersebut?

- I Menubuhkan madrasah
- II Menjalankan dakwah di Negeri-Negeri Melayu
- III Melalui saluran perundungan
- IV Memberikan pendidikan kepada wanita
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Jadual 5 berkaitan dengan perjuangan nasionalisme melalui karya kesusasteraan.

Pengarang	Karya
Harun Aminurrashid	Melor Kuala Lumpur

Jadual 5

Apakah intipati yang ditekankan oleh pengarang dalam karya tersebut?

- I Mencintai tanah air
 - II Menghargai warisan bangsa
 - III Membuang pandangan negatif
 - IV Mementingkan pendidikan wanita
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Madinah merupakan model negara Islam pertama yang dibina oleh Nabi Muhammad s.a.w. mengikut prinsip Islam.

Apakah cara baginda membina negara tersebut?


- A Muslihat
- B Peperangan
- C Demokrasi
- D Diplomasi

28 Apakah peranan Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sistem pentadbiran di Terengganu?

- A Membantu sultan
- B Mentadbir daerah
- C Melantik Menteri Besar
- D Mengurus hubungan luar

[Lihat halaman sebelah]

29 Rajah 2 menunjukkan ciri-ciri Malayan Union.



Rajah 2

Apakah X?

- A Residen sebagai ketua pentadbir setiap negeri
 B Pesuruhjaya Tinggi British mengetuai Malayan Union
 C Singapura diasingkan dan dijadikan pelabuhan bebas
 D Sultan berkuasa dalam pentadbiran negeri masing-masing
- 30 Peribahasa berikut menggambarkan sikap dan tingkah laku orang Melayu yang mendorong British menuju Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apa tanda Melayu bertuah:

Hemat cermat dalam melangkah

Hemat cermat memelihara maruah

Hemat cermat memelihara lidah

Hemat bercakap cermat melangkah

Sumber : *Jurnal of Language Studies*

Volume 12 (1) January 2012

Apakah sikap dan tingkah laku tersebut?

- A Taat
 B Radikal
 C Sederhana
 D Jimat cermat

31 Anda berpeluang untuk menjadi calon dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah strategi yang sesuai untuk menang dalam pilihanraya tersebut?

- A Menggunakan media sosial
- B Melalui kerjasama kaum
- C Menyertai Parti Negara
- D Memohon dana asing

32 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh kemerdekaan negara

- Menyertai rombongan kemerdekaan
- Menjadi penggerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan pada tahun 1956
- Menjadi Perdana Menteri pada tahun 1970

Peranan tersebut dimainkan oleh

- A Tunku Abdul Rahman
- B Tun Abdul Razak
- C Dato' Onn Jaafar
- D Tun Hussein Onn

33 Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia?

- A Mengimbangi jumlah penduduk
- B Mengukuhkan kuasa British
- C Mengamalkan pasaran tertutup
- D Mendapat sokongan dari negara ASEAN

[Lihat halaman sebelah]

34 Maklumat berikut berkaitan langkah ke arah pembentukan gagasan Malaysia

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan pada tahun 1962 yang bermatlamat meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia

Apakah cadangan yang dikemukakan untuk merealisasikan gagasan tersebut?

- A Membentuk MAPHILINDO
- B Menubuhkan sebuah suruhanjaya bebas
- C Perlembagaan Malaysia berdasarkan Perlembagaan Tanah Melayu 1957
- D Penguasaan kerajaan pusat terhadap dasar imigresen di Sabah dan Sarawak

35 Maklumat berikut menunjukkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

- Berkuasa memanggil dan membubarkan Parlimen
- Mengisyiharkan Undang-undang Darurat
- Melantik Perdana Menteri

Apakah kesimpulan yang diperolehi daripada maklumat berikut?


- A Mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran
- B Menggubal rang undang-undang negara
- C Menjadi tonggak keagungan kerajaan
- D Menguasai perlembagaan negara

- 36 Bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) memainkan peranan sebagai sebuah badan yang bebas dan berintergriti?
- I Peluang berkempen sama rata kepada semua parti
II Pihak polis menjadi pemerhati proses pilihan raya
III Manifesto parti yang bertanding ditapis SPR
IV Penggunaan dakwat kekal dan peti lutsinar semasa pilihan raya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 37 Mengapakah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ditubuhkan pada tahun 1969?
- A Memperkenalkan teknologi pertanian
B Menggalakkan penanaman getah
C Menyediakan sumber kewangan
D Membuka tanah baru
- 38 Apakah langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu?
- A Menubuhkan lebih banyak sekolah
B Mewujudkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
C Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka
D Melancarkan program kemajuan bersepada

TAMAT KAHANZ HADRI

[Lihat halaman sebelah]

39 Rajah 3 merupakan perubahan dasar luar Malaysia.



Rajah 3

Mengapakah berlakunya perubahan tersebut ?

- A Perjanjian Pertahanan Inggeris - Tanah Melayu 1956 (AMDA)
 - B Komanwel memberi bantuan ketenteraan
 - C Pengaruh Britain berkurangan di Timur
 - D Keamanan di Vietnam
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah yang timbul akibat penglibatan kuasa-kuasa besar dalam wilayah terbabit.

Peperangan-peperangan di Korea dan di Vietnam telah meyakinkan ASEAN bahawa campur tangan dan sokongan tentera kuasa-kuasa besar dalam pertelingkahan negara-negara kecil Asia Tenggara sering menjelaskan kestabilan di rantau ini.

Sumber : pmr.penerangan.gov.my

Apakah strategi yang diambil oleh pemimpin-pemimpin ASEAN bagi mengatasi masalah tersebut di atas?

- A Mewujudkan konsep ZOPFAN
- B Menubuhkan pakatan AFTA
- C Membentuk usahasama RECSAM
- D Memeterai kerjasama EAEC

KERTAS SOALAN TAMAT